

## KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JUN 2022

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	01.06.2022	Perancis Minta Bantuan – Siasatan Projek KVMRT	2
2.	03.06.2022	Rasuah MRT, LRT:SPRM Buka 2 Kertas Siasatan	3
3.	16.06.2022	Punca Rumah Mahal	4

1 JUN 022 | MUKA SURAT : 1 & 2

Utusan  
Malaysia

Untuk ambil keterangan beberapa individu bagi siasatan projek KVMRT

# Perancis minta bantuan

Oleh MASZUREEN HADZMAN  
dan MOHD. HUSNI MOHD. NOR  
utusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pihak berkuasa Perancis meminta bantuan Malaysia bagi menyiasat tiga syarikat kejuruteraan yang menjalankan projek Klang Valley Mass Rapid Transport (KVMRT) kerana

na disyaki melakukan penipuan dan rasuah bagi melaksanakan projek berkenaan.

Satu sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, negara itu telah menghantar permohonan rasmi melalui Mutual Legal Assistant (MLA) kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk mendapatkan maklumat-maklumat

yang diperlukan bagi membantu siasatan berkenaan.

Kata sumber itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merujuk permohonan tersebut dengan AGC untuk melihat bantuan dan keperluan pihak berkuasa Perancis.

"Antaranya penyiasat Perancis memohon untuk mengambil

keterangan beberapa individu di sini berhubung dakwaan penyelewengan dan rasuah.

"Kita tidak boleh buat kesimpulan secara terburu-buru. SPMR sedang berbincang dan berhubung dengan pihak Jabatan Peguam Negara mengenai perkara ini," jelas sumber itu.

Sementara itu, Ketua Pesu-

rubjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri ketika dihubungi *Utusan Malaysia* mengesahkan sebuah syarikat berkepentingan awam di negara ini sedang disiasat kerana dipercayai menipu dan terabit dalam amalan rasuah ketika melaksanakan projek KVMRT.

Bersambung di muka 2+



WEE Ka Siong menyampaikan sijil penghargaan kepada Pengurus Besar Jualan dan Pengiklanan Media Mulia Sdn. Bhd. Shereen Wong (kanan) pada Majlis Sambutan Hari Raya JPJ di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

## Perancis minta bantuan

Dari muka 1

"Ya, saya sahkan, ada syarikat public listed terlibat. Namun saya tidak dapat memberitahu lebih terperinci mengenai perkara itu," jelasnya.

Selama ini *Utusan Malaysia* melaporkan tiga syarikat kejuruteraan yang disiasat dalam penipuan dan rasuah melibatkan projek KVMRT kerana dipercayai membayar RM54 juta kepada individu tertentu.

Jumlah yang dibayar adalah balasan bagi satu projek yang diterima tiga syarikat berkenaan.

Isnin lalu, akhbar ini mendedahkan senarai beberapa nama individu kenamaan dan syarikat berkepentingan sudah berada dalam radar SPRM selepas didakwa menerima rasuah bagi menjayakan projek-projek awam.

Ia selepas pihak berkuasa Perancis menerima dakwaan serius membabitkan tiga syarikat kejuruteraan yang men-

jalankan projek KVMRT didakwa melakukan penipuan dan rasuah.

SPRM ketika ini difahamkan sedang meneliti secara menyeluruh meliputi tiga skop iaitu projek LRT di sebuah lokasi, projek MRT dan LRT3.

Ketiga-tiga projek mega itu membabitkan nilai RM30 bilion dalam tempoh sejak 2011 sehingga kini.

Projek berkenaan didakwa dilaksanakan oleh sebuah syarikat di negara ini yang dikaitkan dengan sebuah konglomerat Perancis yang terkenal dengan kes-kespenipuan dengan memalsukan ujian keselamatan dan kualiti yang dilaksanakan.

Sumber itu menjelaskan, salah satu daripadanya adalah syarikat senarai awam di Perancis yang memulakan projek infrastruktur mega di beberapa negara termasuk lebuh raya, lapangan terbang dan perumahan.

Sementara itu, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dalam kenyataan memberi jaminan akan bekerjasama dengan SPRM bagi mendapatkan gambaran jelas berhubung dakwaan rasuah tersebut.

Di Putrajaya, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, beliau sudah membaca laporan oleh pengendali KVMRT, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) berhubung isu itu pada Mac lalu.

Beliau bersedia membantu siasatan berhubung dakwaan penipuan dan rasuah membabitkan projek KVMRT yang disiasat pihak berkuasa Perancis.

"Saya terbuka dan kita tiada isu. Biarlah pihak berkuasa siasat perkara itu dan kita tidak gentar dengan apa sekali pun," katanya ketika ditemui pada sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini semalam.

## Rasuah MRT, LRT: SPRM buka 2 kertas siasatan

**PUTRAJAYA:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah membuka dua kertas siasatan berhubung dakwaan terhadap projek pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT) yang dimulakan sejak awal Februari tahun ini.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri berkata, siasatan ketika ini memberi tumpuan kepada pembayaran berunsur rasuah yang sudah berlaku dan dibayar kepada pihak tertentu.

Katanya, siasatan dimulakan lebih awal sebelum laporan mengenai pihak berkuasa Perancis menyiasat dakwaan rasuah membabitkan projek MRT bernilai RM692 juta.

"Skop siasatan kita adalah berkenaan isu rasuah yang sudah berlaku dan dibayar kepada pihak tertentu. Ia menjadi tumpuan kami dan setakat ini dua kertas siasatan dibuka," katanya ketika ditemui selepas Program Pemantapan Wartawan Bersama SPM, di sini semalam.

Kelmarin, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan kepada *Utusan Malaysia*, siasatan terhadap projek pembinaan pengangkutan awam itu bermula sejak awal Februari tahun ini.

Kata Hishamuddin, antara siasatan yang dijalankan melibatkan beberapa individu dan syarikat termasuk syarikat senarai awam.

Malah kata beliau, SPM juga pernah menahan tiga individu termasuk seorang bergelar Datuk pada 22 Mac lalu bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan projek pembinaan MRT bernilai lebih RM650 juta.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan penyiasat Perancis meminta bantuan Malaysia dengan menghantar permohonan rasmi melalui Mutual Legal Assistant (MLA) kepada Jabatan Penguam Negara bagi memperoleh maklumat yang diperlukan bagi tujuan siasatan.

16 JUN 2022 | MUKA SURAT : 1 & 2

# Punca rumah mahal

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kos sampingan seperti caj penyediaan tanah, caj pembangunan, premium tanah dan kos tambahan tinggi yang dikenakan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi antara faktor harga rumah termasuk yang mampu milik meningkat antara 20 ke

Kerajaan negeri, PBT kaut 'untung' setiap projek

30 peratus.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Menteri Peruma-

han dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Abdul Rahman Dahl-an berkata, kos dikenakan pihak terlibat mempengaruhi kenaikan kos rumah dan menyebabkan pemaju menyerapkannya ke dalam harga pembeli.

Katanya, kerajaan negeri dan PBT harus memikirkan langkah penyelesaian terbaik membantu rakyat dengan mengurangkan beban dihadapi pemaju yang

kini terbeban berikutnya harga simen dan besi melonjak.

"Kerajaan dan PBT perlu melihat jangka panjang terhadap pengurangan kos sampingan kepada pemaju. Jika lebih banyak rumah dibina, maka lebih banyak kawasan perumahan dibuka yang dapat meningkatkan pembangunan bandar. Tetapi jangan sampai beri tanah yang jauh dari bandar dan tiada kemudahan

pengangkutan awam, akhirnya yang terkesan adalah pembeli.

"Ada pandangan meminta kerajaan beri subsidi kos bahan binaan kepada pemaju bagi mengurangkan harga rumah. Namun langkah ini tidak menyelesaikan masalah kerana kerajaan kini dibebani pelbagai subsidi."

Bersambung di muka 2

# Punca rumah mahal

Dari muka 1

"Namun, cara terbaik berbanding salur subsidi adalah memberi pemaju pengurangan kos sampingan seperti penyediaan tanah, caj pembangunan, premium tanah dan kos tambahan lain. Kadang-kala kadar dikenakan terlalu tinggi dan tidak munasabah sehingga menyebabkan pemaju mengenakkannya dalam harga rumah," katanya.

*Utusan Malaysia* sebelum ini melaporkan harga rumah diangka terus meningkat sehingga 10 peratus setahun, sekali gus kemungkinan tiada lagi rumah berharga RM200,000 dan ke bawah menjelang 2025.

Perkara itu didedahkan Presiden Persatuan Perunding Hartanah Muslim Malaysia (PEHAM), Ishak Ismail yang memberitahu, peningkatan tersebut akan terus berlaku

mengikut rentak pemulihan ekonomi selain pertambahan peluang pekerjaan yang mendor kepada permintaan.

Dalam pada itu, Abdul Rahman memaklumkan, kemudahan tidak munasabah yang disediakan pemaju seperti gimnasium, kolam renang dan pusat rekreasi merupakan faktor pertambahan kos rumah sedangkan perkara itu bukan keperluan pembeli.

Justeru kata beliau, pemaju perlu melihat semula kewujudan kemudahan tersebut sama ada mendatangkan manfaat kepada pembeli.

Sementara itu, Abdul Rahman menambah, tidak dinafikan terdapat dasar kerajaan bahawa setiap pembangunan dan projek perumahan memperuntukkan kuota rumah mampu milik untuk golongan B40 bagi memastikan kumpulan tersebut mampu memiliki kedia-

man sendiri.

Sebaliknya kata beliau, terdapat pemaju mengambil kesempatan mengatakan kediaman itu tidak dapat dijual kerana kurang sambutan pembeli pendapatan rendah dan akhirnya mengambil kesempatan menjual kepada golongan kemampuan.

"Memang ada mekanisme iaitu pemaju boleh jual rumah harga mampu milik selepas tempoh enam bulan jika gagal terjual, namun ada dalam kalanng mereka mengatakan kediaman itu sudah habis sedangkan ia tidak berlaku," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan kerajaan membantu menjual kediaman itu dengan mengiklankan kepada umum supaya pembeli mengetahui dengan lebih terbuka di samping menangani cubaan mengambil kesempatan dilakukan pemaju.



PELBAGAI caj oleh kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dikatakan antara punca melambungnya harga rumah termasuk harga rumah mampu milik. - GAMBAR HIASAN